

**PELAPORAN BULANAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

PELAPORAN BULAN : SEPTEMBER 2024

PELAPORAN KEMALANGAN:

No.	JENIS KEMALANGAN	BILANGAN
1	KEMALANGAN MELIBATKAN MANGSA	0
2	KEMALANGAN NYARIS (NEAR MISS)	1
3	KEROSAKAN HARTA BENDA	2
4	KERACUNAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN	0

PUNCA KEMALANGAN (JIKA ADA):

- Pada 25 September 2024 terdapat 1 kejadian di mana dahan pokok yang berdekatan dengan tempat parkir bersebelahan dengan tandas berdekatan makmal FKTM A1 telah tumbang. Tiada sebarang kecederaan mangsa atau kerosakan harta benda dilaporkan. Pasukan yang menguruskan landskap telah diminta untuk memotong dahan pokok yang terlibat.
- Pada 30 September 2024 terdapat pelaporan kejadian kebakaran pada soket single phase di makmal FKTM B6. Temubual dengan pembantu jurutera yang terlibat telah dilakukan. Didapati bahawa kejadian kebakaran ini berlaku pada hujung minggu. Tiada sebarang penggunaan makmal pada hujung minggu. Pada masa yang sama tiada sebarang peralatan yang dipasang kepada soket yang terlibat. Terdapat kesan air atas lantai dan dikenalpasti bahawa tiada usaha memadamkan api dengan air semasa kejadian. Disebabkan berlakunya hujan lebat pada hari Sabtu, maka tekaan air hujan memasuki bangunan dan membasahi soket yang terlibat. Litar pintas berlaku dan mengakibatkan kejadian kebakaran.
- Pada 30 September 2024 terdapat pelaporan kejadian kebocoran pada water proofing di koridor makmal FKTM B4. Didapati bahawa terdapat ketidak sempurna pemasangan water proofing. Hal ini telah menyebabkan air hujan mengalir ke konkrit koridor di hadapan makmal FKTM B4. Air hujan ini memasuki retakan pada bumbung koridor yang telah wujud sebelum ini. Hal ini mengakibatkan retakan bumbung konkrit koridor makin retak dan jatuh ke lantai. Pelaporan kerosakan telah dilaporkan dan pada masa yang sama, koridor terbabit telah ditutupkan dan diberi notis berkaitan dengan hazard sediaada.

PENILAIAN KENDIRI KKP PTJ:

TARIKH :-

No.	SKOP PENILAIAN KENDIRI	TANDA
1	SISTEM PENGURUSAN KKP	-
2	KESELAMATAN BANGUNAN	-
3	PENGURUSAN BAHAN KIMIA	-
4	PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL	-
5	KESELAMATAN MEKANIKAL	-
6	KESELAMATAN SINARAN	-
7	KESELAMATAN BIOLOGI	-

RINGKASAN LAPORAN PENILAIAN KENDIRI PEMANTAUAN KKP:

- TIADA BERKAITAN -

**PELAPORAN BULANAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

PROGRAM DAN KURSUS/ LATIHAN KOMPETENSI:

No.	PROGRAM	BUTIRAN
1	KURSUS	1. Kursus Pelan Tindakan Kecemasan (Online) – 18 – 20 September 2024 2. Kursus Pengurusan Asas Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan – 27 September 2024
2	LATIHAN	- TIADA -


PENILAIAN PENGURUSAN:

- 2 kursus kompetensi keselamatan telah dipohon kepada COSHE, UniMAP untuk ditawarkan kepada para staf FKTM yang terlibat terutamanya staf yang ditugaskan di bawah program-program yang bakal menerima lawatan akreditasi. Kursus pelan tindakan kecemasan dan kursus pengurusan asas keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah ditawarkan.
- Makmal FKTM A7 dan FKTM B5 yang mempunyai bilik genap untuk operasi lightboard telah dipertingkatkan ciri-ciri keselamatan dengan tanda keluar kecemasan (grow in dark) dan tanda laluan kecemasan (grow in drak). Kedua-dua bilik gelap dilengkapi dengan ciri-ciri ini berasaskan ketiadaan sistem lampu kecemasan dalam bilik dan situasi bilik yang genap semasa operasi lightboard.

CADANGAN/ USUL/ ISU

- Tiada berkaitan -

Disediakan oleh:



Ts. Dr. Tan Wee Choon
Pengurus JKPP-FKTM, UniMAP

DR. TAN WEECHOON
Senior Lecturer
Mechanical Engineering Programme
Faculty of Mechanical Engineering Technology
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Email : tweechoon@unimap.edu.my

LAMPIRAN




Dahan pokok berdekatan tandas makmal FKTM A1 tumbang.



Laluan pejalan kaki jenis grow in drak dan papan tanda keluar kecemasan grow in drak untuk bilik-bilik gelap di makmal FKTM A7 dan FKTM B5



Kejadian kebakaran di makmal FKTM B6 yang hasil dapatan kasar menunjukkan kebocoran air hujan menyebabkan litar pintas dan mengakibatkan kebakaran pada soket single phase.



Water proofing yang tidak sempurna mengakibatkan air hujan meresap ke atas bumbung konkrit. Air hujan yang meresap telah mengalir ke retakan dan akibatkan serpihan konkrit jatuh ke lantai di koridor berhadapan dengan makmal FKTM B4